

SAMBAR BATU
Grey-chested
Jungle Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Rhinomyias umbratilis*



CIRI-CIRI

Bagi individu dewasa, ia berbeza dari lain-lain burung Sambar terutama pada bahagian atas dada yang berwarna kelabu hingga kelabu kehijauan buah zaitun, berbeza dengan bahagian bahagian tekak yang berwarna putih berkilat dan garisan dari dasar paruh yang mengunjur ke belakang yang berwarna gelap. Bagi burung juvenil pula, ia menyerupai burung Sambar Bukit, *R. olivacea*, tetapi bahagian atas badan yang lebih gelap, manakala bintik-bintik yang berwarna kuning keorenan adalah lebih jelas dan besar, serta terdapat tompok pada dada yang berwarna kelabu lusuh. Panjang keseluruhan burung ini adalah 15 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga kecil.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan tanah pamah dipterokap hingga ke ketinggian 1,160 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang halus, sedap didengar, tersusun dengan baik, dan nada yang menurun *si ti-tu-ti'toeee'u* (nota kedua lebih tajam bunyinya), *sii tu'ee'oo*, *sii tee'oo'ee*. Jika merasa terancam, ia akan mengeluarkan bunyi *chrrr-chrrr-chrrr* dan *trrr'tit'it*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Januari hingga Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2 hingga 3 biji telur bagi setiap eraman.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.